

05/05/1999

Kebusukan negara impian Shahnnon

Kassim Ahmad

KARYA Shahnnon Ahmad yang baru, Shit menjadi heboh bukan sangat kerana kelucahan dan kekesatan bahasanya (yang memang pun lucu dan kesat), tetapi lebih-lebih kerana ia propaganda anti-Mahathir dan pro-Anwar dalam kancan pergolakan politik hebat di negara kita sekarang.

Seperti yang saya katakan di tempat lain, Anwar sebagai seorang ahli politik dan bekas pemimpin, tidak sehebat mana dan pengaruhnya amat terbatas kerana kebolehannya sangat terbatas.

Tetapi Anwar sebagai satu faktor untuk menjatuhkan Mahathir memang dapat dilihat oleh semua orang yang tidak menutup matanya sebagai disokong oleh kaum penjajah baru Inggeris-Amerika (inilah kekuatan Anwar yang utama) dan disokong pula oleh tenaga oportunist dalam negeri yang terdiri daripada Pas, 'ulama' dan golongan hak asasi manusia tajaan Barat.

Satira politik, seperti Hikayat Merong Mahawangsa, cerita peminangan Puteri Gunung Ledang dalam Sejarah Melayu, Tikus Rahmat dan Putera Gunung Tahan dalam sastera Melayu serta Gulliver's Travels dan Animal Farm dalam sastera Eropah, adalah cerita politik yang bersifat ibarat dan bertujuan menyindir serta mengkritik pergolakan semasa. Namun, keadaan yang dikritik itu mestilah tepat dan objektif, bukan propaganda sesuatu pihak.

Perihal Shit dikecam oleh antara lain beberapa pemimpin Umno dan dipuji oleh antara lain, beberapa pemimpin Pas membuktikan ia berhubung dengan pergolakan politik semasa di negara kita. Sebagai karya sastera, nilainya boleh dipertikai.

Ceritanya sangat mudah. Sebuah negara tahi, diperintah oleh seorang ketua barisan tahi sudah menjadi begitu busuk ('lagi membusukkan' - Shahnnon mengulang frasa ini barangkali tidak kurang daripada 100 kali) sehingga menyebabkan rakyat begitu meluat kepada ketuanya dan ingin menyingkirkan dengan apa cara juapun, hatta melalui revolusi. Lalu muncul seorang wira, bernama Wirawan, asalnya pengikut ketua parti tahi itu yang bercita-cita untuk mengguling dan menggantikan sistem tahi dengan sebuah sistem ketuhanan berdasarkan: "keindahan, keimanan, keadilan dan keikhlasan" (halaman 240). Komplot beliau diketahui oleh ketua tahi lalu dia disingkir daripada pemerintahan dan parti tahi. Beliau disambut oleh rakyat yang ingin menggulingkan ketua tahi yang sudah tua, nyanyok, bersifat diktator dan korup. Lalu ketua tahi dan menteri digulingkan melalui gerakan raksasa reformasi rakyat.

Sesiapa yang boleh membaca novel itu sehingga habis (suatu perkara yang sukar kerana sangat membosankan) boleh melihat dengan jelas sifat propagandanya yang terang-terang anti-Mahathir dan pro-Anwar, walaupun penulis menafikan hubungan cerita itu dengan sesiapa yang hidup atau mati.

Urutan cerita sehingga heronya tersingkir persis mengikut apa yang sudah berlaku, tetapi penyingkiran ketua tahi dan pendaulatan Wirawan adalah impian pengarang sendiri. Ini menunjukkan novel itu sudah dimulakan sejurus selepas Anwar disingkir pada 2 September tahun sudah, tetapi penamatan ceritanya dipalsukan oleh realiti, mungkin sebelum buku itu keluar daripada mesin cetak!

Sejarah peribadi penulis Shahnnon bermula dengan tahap nasionalis Melayunya dengan novel Menteri (1967), Protes (1967) dan Perdana (1969) termasuk juga Ranjau Sepanjang Jalan (1966). Tahap itu memuncak dengan beliau mengisytiharkan perjuangan 'kekuatan Melayu' (mengambil ilham daripada kekuatan kaum kulit hitam di Amerika Syarikat) ketika mengetuai persatuan penulis Kedah, (Gatra) pada 1969. Kedua ialah tahap sastera

Islam dengan terbitnya risalah beliau Kesusasteraan dan Etika Islam (1981). Risalah itu sudah saya ulas dalam sebuah artikel dalam Dewan Sastera (November 1982) yang mencetuskan polemik panjang antara beliau dengan saya mengenai konsep sastera Islam. Inilah juga masanya beliau menganggotai pertubuhan dakwah, al-Arqam kemudian meninggalkan Arqam serta menghasilkan beberapa buah novel (Tok Guru, 1989, Ummi dan Abang Sheikhul, 1990) yang mendedahkan penyelewengan kepemimpinan pertubuhan itu. Tahap penulisannya yang akhir ialah sastera aliran Pas. Shit tergolong ke dalam tahap itu.

Tidak syak lagi, Shahnon penulis yang gigih. Tidak syak juga, beliau penulis yang menundukkan karya sasteranya kepada ideologi politik semasanya. Banyak novelnya tidak lebih daripada wahana untuk menyampaikan fikiran politik dan nilai sasteranya tipis sekali. Umpamanya, novel beliau yang mendapat sanjungan antarabangsa, Rantau Sepanjang Jalan, tidak lebih daripada rakaman pesimisme, sebuah keluhan dan kerrikan petani Melayu yang ditemukan Shahnon dengan maut.

Dengan Shit, Shahnon mencadangkan kepada rakyat Malaysia menyelesaikan masalahnya melalui gabungan falsafah kaum penjajah baru Inggeris-Amerika dan oportunisme Pas!

Untuk membela Shahnon, sesetengah orang termasuk pengkritik dan pemimpin politik sanggup berkata, mencarut dan menggunakan bahasa kesat dan lucu sebahagian daripada kehidupan kita dan tidak salah dimasukkan ke dalam sebuah novel. Memang kita kadang-kadang mencarut dan menggunakan perkataan lucu dan kesat, tetapi menjadikannya asas dan tujuan penulisan kita satu perkara lain sama sekali. Kedua-duanya tidak sama.

Tetapi kelucuan bukan perkara luar biasa dalam novel Shahnon. Yang paling ketara ialah dalam novel Tok Guru, Ummi dan Abang Sheikhul dan Tivi. Dalam Shit, mungkin Shahnon melebihi Shahnon yang biasa!

Selepas menulis lebih 30 tahun, tangan Shahnon menjadi pakar menggolek, melagang, melentok dan melarikan bahasanya seperti dalang memainkan patung wayang kulit di sebalik tabir. Jika ceritanya membosankan dan baunya busuk, bahasa yang segar itu kadang-kadang menyelamatkan buku berkenaan daripada dikesampingkan terus. Propaganda dan kebusukan itu menjatuhkan martabat Shahnon sebagai penulis berwibawa dan dihormati.

(END)